



JOHARI ABDUL GHANI

BR1M ambil kira kesan kenaikan kos sara hidup

KUALA LUMPUR 26 Dis. - Menteri Kewangan II, Datuk Johari Abdul Ghani menjelaskan, Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) pada asalnya dicadang dan dimasukkan dalam Bajet 2012 setelah kerajaan mengambil kira kesan kenaikan kos sara hidup rakyat terutamanya golongan miskin bandar.

Beliau berkata, idea itu juga diusahakan oleh bekas Gabenor Bank Negara, Tan Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz semasa taklimat untuk Bajet 2012.

"BR1M merupakan idea mulia

untuk membantu rakyat berpendapatan rendah dalam menanggapi kesan kenaikan kos sara hidup. Golongan tersebut mendapat manfaat segera menerusi penambahan pendapatan boleh guna dan peningkatan dalam kuasa beli untuk barangan keperluan.

"Malah, BR1M juga secara tidak langsung menggalakkan pertumbuhan industri barangan pengguna yang kebanyakannya daripada perusahaan kecil dan sederhana (PKS) selain meningkatkan penggunaan domestik ekonomi ber-

27/12 UM
kenaan," katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Jelas Johari, dengan pengenalan cukai barang dan perkhidmatan (GST) dan rasionalisasi subsidi, pemberian BR1M secara berterusan amat penting bagi mengimbangi kesan polisi berkenaan terhadap golongan berpendapatan rendah di negara ini.

Dalam pada itu, menurut beliau, pemberian bantuan kewangan oleh kerajaan di seluruh dunia kepada rakyat berpendapatan rendah bukan merupakan satu perkara

yang luar biasa dan ia telah diamalkan di kebanyakan negara.

Malah katanya, bantuan kewangan tertumpu juga telah diiktiraf oleh Bank Dunia dan Dana Kewangan Antarabangsa (IMF) sebagai salah satu peruntukan utama jaringan keselamatan sosial bagi rakyat.

"Bagi kebanyakan negara maju, bantuan seperti itu menjadi sebahagian daripada sistem perlindungan sosial yang mantap. Misalnya, program bantuan Food Stamps di Amerika Syarikat

(AS) dan Social Fund di United Kingdom adalah contoh kejayaan program pemindahan wang tunai kerajaan untuk membantu kehidupan golongan yang kurang berkemampuan.

"Baru-baru ini, kerajaan Thailand juga mengumumkan pemberian wang tunai sebagai cara untuk menolong mengurangkan beban rakyat berpendapatan rendah dan merangsang kuasa beli. Malaysia bukan negara pertama yang melakukan inisiatif ini dan bukan terakhir juga," katanya.